

# MEASLES

## 1. Apakah measles?

Demam campak (*measles*) merupakan penyakit cegah vaksin yang sangat mudah berjangkit. Pesakit dengan jangkitan virus ini lazimnya akan pulih sendiri, Walau bagaimanapun risiko komplikasi akan meningkat sekiranya kanak-kanak tidak menerima imunisasi. Keadaan akan diteruskan lagi sekiranya kanak-kanak berumur kurang 5 tahun, kurang zat makanan atau mempunyai masalah kurang daya tahan seperti HIV dan kanser.

## 2. Bagaimanakah Virus Measles disebarkan?

Virus measles boleh tersebar dari manusia kepada manusia melalui titisan cecair dan sentuhan fizikal.

## 3. Apakah gejala dan tanda-tanda sekiranya dijangkiti virus tersebut?

Pesakit yang mempunyai daya tahan tubuh yang baik melalui pembentukan antibodi daripada imunisasi hanya akan mengalami gejala ringan seperti demam, ruam, batuk, selsema, konjunktivitis (mata merah). Masa pengeraman (tempoh antara kemasukan virus dan gejala pertama) adalah 7 hingga 10 hari. Ruam akan terbentuk selepas 3 hingga 4 hari.

## 4. Mengapa jadual imunisasi kebangsaan diubah untuk suntikan pelalian measles?

Satu dos imunisasi *measles* akan memberikan kesan imuniti seumur hidup. Namun begitu, kadar *seroconversion* (pembentukan antibodi) hanya sekitar 85% hingga 95%. Dos kedua measles mampu memberikan kadar *seroconversion* hingga 99%. Jadual suntikan bagi vaksin measles dos pertama telah diberikan pada usia kanak-kanak 9 bulan dan dos kedua pada usia 12 bulan bermula pada tahun 2016 bagi memastikan kanak-kanak

berusia kurang satu tahun diberi perlindungan. Ia juga bagi mengurangkan jarak tempoh umur mendapat dos kedua di mana jadual sebelum ini, iaitu dos pertama pada usia 12 bulan dan dos kedua pada usia 7 tahun.

**5. Jika anak saya tercicir daripada diberi pelalian measles, apa yang perlu saya lakukan?**

Bagi kanak-kanak yang tercicir dalam mendapatkan suntikan imunisasi pula, ibubapa dan penjaga diseru untuk mendapatkan suntikan imunisasi di Klinik-Klinik Kesihatan kerajaan atau swasta yang berdekatan.

**6. Sekiranya anak saya didapati dijangkiti measles, apa yang perlu saya lakukan?**

Kanak-kanak yang dijangkiti penyakit tersebut perlu diasingkan dan tidak dihantar ke pusat-pusat asuhan, TASKA, tadika atau sekolah. Elakkan membawa kanak-kanak yang sakit menghadiri perhimpunan atau perjumpaan terutama yang melibatkan kumpulan berisiko tinggi mendapat komplikasi jangkitan seperti bayi, pesakit kanser, penghidap HIV/AIDS dan pesakit yang sedang menjalani kemoterapi.